

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS : DAC 21402 / DAC 31802
PROGRAM : DAA
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2019 / JANUARI
2020
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Di dalam sesebuah projek pembinaan, terdapat beberapa pihak yang terlibat.
- (a) Senaraikan **TIGA (3)** pihak yang terlibat dalam pembinaan. (3 markah)
 - (b) Terangkan tugas **TIGA (3)** pihak yang terlibat dalam pembinaan. (3 markah)
- S2** Terdapat beberapa elemen yang penting di dalam kontrak pembinaan. Terangkan dengan lebih lanjut semua elemen berikut:
- (a) Tawaran /cadangan.
 - (b) Penerimaan.
 - (c) Niat.
 - (d) Boleh dilaksanakan.
 - (e) Kapasiti/keupayaan. (10 markah)
- S3** Dokumen Tender yang disediakan hendaklah lengkap kerana ia merupakan panduan kepada para petender untuk menender projek yang dicadangkan. Terangkan secara jelas isi kandungan dokumen tender yang berikut:
- (a) Borang Tender.
 - (b) Borang Kontrak Piawai.
 - (c) Senarai Kuantiti.
 - (d) Jadual Kadar Harga.
 - (e) Arahan kepada pretender. (10 markah)
- S4** Laporan tender biasanya akan disediakan oleh juruukur bahan dan akan dikemukakan kepada Lembaga Tender. Lembaga Tender akan membuat keputusan dalam pemilihan kontraktor yang layak bagi melaksanakan projek dan terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membuat pemilihan kontraktor yang layak. Nyatakan dengan lebih lanjut **LIMA (5)** perkara-perkara yang dipertimbangkan untuk membuat pemilihan kontraktor. (10 markah)
- S5** Antara klasifikasi umum kontrak adalah berdasarkan kepada kaedah bayaran kepada kontraktor di atas kerja yang dilaksanakan. Bayaran yang dibuat adalah merujuk kepada harga kontrak yang terkandung dalam Dokumen Kontrak. Terangkan **DUA (2)** kontrak berdasarkan cara bayaran. (4 markah)

S6 Dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja pembinaan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Namun, sekiranya terdapat penyiapan kerja yang tergendala atau tidak mengikut perancangan, pihak kontraktor perlu untuk mengkaji sebab-sebab timbulnya kelambatan tersebut. Senaraikan dengan lebih lanjut **LIMA (5)** sebab-sebab di dalam Fasal 43 yang membolehkan kontraktor mendapat lanjutan masa. (5 markah)

S7 Pelaksanaan pentadbiran kontrak binaan di Malaysia lazimnya menggunakan borang kontrak piawai/setara. Terdapat beberapa jenis borang kontrak piawai yang diaplikasikan. Terangkan fungsi borang-borang kontrak yang berikut:

- (a) Borang kontrak JKR 203.
- (b) Borang kontrak PWD DB/T.
- (c) Borang kontrak PAM.
- (d) Borang kontrak FIDIC (Federation International des Ingenieurs Counsels).
- (e) Borang kontrak JCT (Joint Contract's Tribunal) dan ICE (Institute of Civil Engineers).

(5 markah)

S8 Syarikat ABC adalah satu syarikat pemaju pembinaan. Mereka telah banyak membina bangunan perumahan dan juga bangunan komersil. Kini mereka telah mempunyai modal untuk pembangunan baru sebanyak RM10 juta di atas satu plot tanah seluas 4,047 m². Mereka bercadang untuk membina satu bangunan komersil berkeluasan lantai 3,800 m², dan berisipadu 49,400 m³. Dari itu, mereka telah mengumpulkan beberapa maklumat berkaitan projek-projek yang lepas sebagai panduan untuk membuat keputusan.

Projek A:	
Kos sebenar	- RM 12,500,000.00
Keluasan lantai (dalam)	- 5,000 m ²
Keluasan lantai (luar)	- 5,100 m ²
Jenis bumbung	- Curam
Ketinggian bumbung	- 3 meter
Ketinggian tingkat	- 9 meter
Jarak lantai – permukaan atas asas	- 1 meter

TERBUKA

Projek B:		
Kos sebenar	-	RM 10,500,000.00
Keluasan lantai (dalam)	-	4,500 m ²
Keluasan lantai (luar)	-	4,700 m ²
Jenis bumbung	-	Curam
Ketinggian bumbung	-	2.5 meter
Ketinggian tingkat	-	8 meter
Jarak lantai – permukaan atas asas	-	1 meter

Berdasarkan maklumat yang diberikan, dapatkan yang berikut:

- (a) Anggaran kos projek baru dengan kaedah keluasan lantai. (4 markah)
- (b) Anggaran kos projek baru dengan kaedah isipadu. (8 markah)
- (c) Sebagai salah seorang kakitangan pengurusan Syarikat ABC, bincangkan dengan ringkas hasil anggaran (a) dan (b) dengan perancangan asal syarikat, serta berikan cadangan penyelesaiannya. (5 markah)
- S9** Anda mewakili sebuah kontraktor kecil yang perlu untuk mengeluarkan satu sebutharga (*quotation*) bagi kerja-kerja penggantian kawasan rumput kepada lantai konkrit di sebuah rumah. Berdasarkan kepada pelan lantai pada **Rajah S9(a)**, keratan rentas lantai konkrit pada **Rajah S9(b)**, dan **Jadual 1**, dapatkan yang berikut:
- (a) Kos buruh untuk 1 orang:
- Kerja korekan tanah asal sedalam 350 mm serta pembuangannya.
 - Kerja perletakkan lapisan asas.
 - Kerja perletakkan lapisan kedap.
 - Kerja perletakkan lapisan kalis lembap.
 - Kerja perletakkan lapisan tetulang.
 - Kerja perletakkan lapisan konkrit.
- (17 markah)
- (b) Kos bahan:
- Batu baur kasar.
 - Pasir.
 - Lapisan kalis lembap.
 - Tetulang.
 - Konkrit siap-tuang (*ready-mix*).
 - 40% pembaziran untuk ke semua bahan (dikira pada akhir pengiraan).
- (10 markah)

TERBUKA

SULIT

DAC 21402 / DAC 31802

- (c) Kos lain:
- (i) Keuntungan (dikira pada akhir pengiraan kos buruh dan kos bahan sebanyak 25%).
 - (ii) Jumlah ke semua kos untuk sebutharga (*quotation*).
- (3 markah)
- (d) Sekiranya pihak tuan rumah memohon pengurangan sebutharga yang diberikan tanpa mengurangkan spesifikasi pembinaan, apakah tindakan anda terhadap pengiraan yang telah dilakukan.
- (3 markah)


- SOALAN TAMAT -

TERBUKA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2019/2020
KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN


PROGRAM : DAA
KOD KURSUS : DAC 21402 / DAC 31802



GROUND FLOOR PLAN

Rajah S9(a)

TERBUKA



Rajah S9(b)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM 1 / 2019/2020
 KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM : DAA
 KOD KURSUS : DAC 21402 / DAC 31802

Jadual 1

Buruh		
1	Kos buruh biasa (sehari)	RM 80
2	Penggalian tanah sehingga 350 mm	2 jam/m ³
3	Peratus kegemburan tanah	25%
4	Memuat, mengangkut, dan membuang (tidak lebih 50 m)	1.5 jam/m ³
5	Perletakan batu baur kasar	0.5 jam/m ³
6	Perletakan pasir	0.4 jam/m ³
7	Perletakan lapisan kalis lembap	0.1 jam/m ²
8	Perletakan tetulang	0.2 jam/m ²
9	Perletakan konkrit	0.7 jam/m ³
Bahan		
1	Batu baur kasar	RM 95.00/m ³
2	Pasir	RM 70.00/m ³
3	Lapisan kalis lembap	RM 1.50/m ²
4	Tetulang	RM 13.00/m ²
5	Konkrit siap-tuang	RM 166.00/m ³

TERBUKA